

## **PERADABAN MELAYU: PAKSI PEMBENTUKAN PERADABAN MALAYSIA**

**Hashim Hj Musa**

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

### **Abstrak**

Paksi peradaban Malaysia yang dicita-citakan oleh negara dan bangsa Malaysia seharusnya berasaskan peradaban Melayu yang telah bertapak dan mewarnai wilayah ini selama hampir 1400 tahun. Untuk memainkan peranan ini, peradaban Melayu mesti diperkasakan kembali setelah merosot akibat angkara kuasa penjajah, supaya menjadi sebuah peradaban bertaraf dunia yang mampu mencirikan secara definitif peradaban Malaysia. Ada tiga kekuatan Melayu asasi dan enam *worldview* Melayu yang telah mencorak dan memartabatkan peradaban Melayu silam ke taraf dunia terutamanya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Aceh. Tiga strategi dicadangkan dalam artikel ini untuk memperkasakan kembali budaya dan peradaban Melayu, iaitu: (1) memantapkan hati budi Melayu, (2) memantapkan budaya ilmu, sains dan teknologi orang Melayu, dan (3) memantapkan organisasi dan operasi prasarana dan institusi budaya dan masyarakat Melayu setempat, sewilayah dan sejagat berasaskan nilai etika dan moral. Namun strategi pemantapan ini seharusnya memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. demi mendapatkan pertolongan-Nya, kerana tanpa pertolongan Allah segala perancangan dan tindakan adalah sia-sia belaka, seperti firman-Nya, “Wahai orang yang beriman, jika engkau menolong (menegakkan agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu, dan menegakkan serta mengukuhkan kedudukan kamu” (Qur'an, S. Muhammad:7).

*The axis of Malay civilisation en-visioned by Malaysia and her people should be a continuity of the Malay civilisaton which has long been in existence and has given character to this region for nearly 1400 years. To fulfill this role, Malay civilisation which had gone into the back waters with the onslanght of colonialism, has to empowered such that it canre-emerge as a world civilisation which can form the basic of Malaysian civilisation. There were three basic Malay streghs and six Malay world-views which status especially*

*dwiling the eras of the Melaka Malay and Aceh Sultanates. Three strategies are proposed in this article for the purpose of re-empowering the Malay culture and civilisation, i.e. (1)strengthening the Malay psyche (2) strengthening the knowledge culture, science and technology among the Malays, and (3) strengthening the organisation, operational infrastructure, cultural institution of the local Malay society as well as those in the region and moral values. Nevertheless, this strengthening strategy should be in line with what Allah has ordained in the following, “O, you the believers, if you helped (the cause of) Allah, then surely He will help you and strengthen your position and standing.”*

*(Qur'an, S. Muhammad : 7).*

### **Pendahuluan: Cita-cita Membentuk Sebuah Peradaban Malaysia**

Sesungguhnya, peradaban Malaysia yang dicita-citakan oleh negara Malaysia semestinya merupakan satu kesinambungan peradaban Melayu yang mempunyai sejarah yang panjang. Gagasan ini perlu direalisasikan kerana seluruh wilayah kepulauan Asia Tenggara ini sebenarnya telah diwarnai dan diberi jati dirinya oleh peradaban Melayu selama kira-kira 1,400 tahun. Sejak tertubuhnya Empayar Melayu Buddha Srivijaya di Sumatera pada abad ke-7 Masihi, yang kemudiannya mengalami proses Islamisasi yang bermula pada abad ke-11 Masihi atau permulaan alaf kedua, yang seterusnya merebak secara menyeluruh ke merata alam Melayu ini, maka sifat dan ciri Melayulah yang telah tersebar ke seluruh wilayah ini sehingga iaanya terkenal dengan nama Alam Melayu. Dua elemen utama yang memberi sifat dan jati diri Melayu di seluruh wilayah ini ialah penggunaan bahasa Melayu dan penyebaran agama Islam.

Di Malaysia fakta demografi daripada banci penduduk pada tahun 2000 berdasarkan agama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2001, *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000: Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*, halaman viii dan 70) menunjukkan perangkaan yang berikut:-

<b>Jumlah penduduk:</b>	<b>23.27 juta</b>	<b>100 %</b>
Pemeluk Islam	14.05	60.4 %
Pemeluk Buddhist	4.47	19.2 %
Pemeluk Kristian	2.13	9.15 %
Pemeluk Hindu	1.46	6.27 %

*There is no doubt that the affairs of Malacca are of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position, but must always grow. No trading port as large as Malaca is known nor anywhere they deal in such fine and highly prized merchandise. Goods from all over the East are found here; goods from all over the West are sold here.* (Armando Cortesao (ed.) 1944:268).

*Five centuries ago, Malacca hosted 2,000 ships each day, as many as the crowd in modern day Singapore, which boast of being one of the world's three busiest ports. Cargoes of mace, nutmeg, cloves, sandalwood, tea, porcelains and silks passed through Malacca on their way to spice-hungry Europe. From the islands of the Archipelago to the south came camphor, bird's nests, pepper, musk, gold and ivory. And from the West, mostly carried by traders from South Asia and Middle East, came cotton, weapons, incense, opium, dyes, silver and medicinal drugs, as well as occasional bands of adventurous Portuguese.* (Simon Elegant, Far Eastern Economic Review, 10th June, 1999:45).

### Ciri-Ciri Kekuatan Melayu Asasi

Tiga kekuatan Melayu yang asasi yang telah mampu melahirkan manusia, masyarakat dan peradaban Melayu, ialah:

- (1) **Konsep Melayu** sebagai entiti budaya (*cultural entity*) bukan entiti etnik, kaum, bangsa dan negara, yang boleh merangkumi pelbagai etnik, suku bangsa dan keturunan (India, Arab, Cina, Afrika, Cham, Jawa, Batak, Melanau, Meranau, Bugis, Banjar, dan lain-lain, bahkan Kaukasian), asalkan semua itu tercenna dan terjelma di dalam tiga ciri teras Melayu (dengan itu telah masuk Melayu), iaitu berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat resam dan berbudaya Melayu (halus budi bahasa dan pekerti, sentiasa bermuafakat dan mengutamakan kebajikan ramai, hormat dan khidmat terhadap orang tua dan tetamu, sederhana bukan ekstremis, tidak kasar, militan dan ganas); ini menjadikan Melayu amat terbuka dan global,
- (2) **Kedinamikan budaya Melayu:** sejarah peradaban Melayu telah membuktikan dengan jelas betapa dinamiknya budaya Melayu yang terletak di persimpangan jalan Timur dan Barat yang selama ribuan

tahun sentiasa secara terbuka, proaktif dan mampu menyerap dan mengadaptasikan unsur-unsur positif dari luar demi pembangunan dan pengukuhannya, iaitu dari segi pendidikan, ilmu pengetahuan, teknologi dan peralatan yang menjadikan Melayu satu kabilah dunia yang global dan metropolitan,

- (3) **Kekuatan agama Islam anutannya:** bahawa Melayu ditakdirkan Ilahi sebagai penganut agama Islam yang suci murni, benar dan kuat, yang diredhai Allah dan dijanjikan keselamatan dan kesejahteraan yang mutlak di dunia dan di akhirat, yang juga telah menjalankan kelompok Melayu dengan pan-Islamisme sejagat dan menjadikan mereka pendakwah Islam secara global. Dengan menghayati *al-Din al-Islam* sepenuhnya (iman, ibadat, akhlak, ihsan, muamalat, mu‘ayarat, munakahat), orang Melayu akan sentiasa berhubungan dengan kekuatan Ilahi yang ulung dan agung, iaitu Tuhan Pencipta, Pengatur dan Pentadbir seluruh alam dan makhluk secara mutlak dan haq.

Ketiga-tiga asas kekuatan Melayu itu sesungguhnya telah menjadikan orang Melayu benar-benar sebuah kabilah dunia yang kosmopolitan dan global. Apabila ketiga-tiga kekuatan Melayu itu terhakis dan luntur akibat sebahagiannya oleh cengkaman dan dominasi penjajah Inggeris, Belanda dan Sepanyol selama ratusan tahun dan sebahagian yang lain ialah kelemahan dalamannya sendiri, maka kabilah Melayu menjadi sebuah ‘masyarakat yang terbantut’ (*truncated society*), terpinggir, tersisih, terpencil, hilang yakin diri, rendah daya saing, daya juang, daya tahan dan daya cipta/kreativiti. Melayu bertukar daripada kabilah yang mengharung samudera kepada kabilah petani, nelayan dan peniaga kecil yang kerdil dan tersisih (*from ruling the waves to toiling the lands*). Pedagang maritim dan pelaut Melayu yang telah menguasai perdagangan laut di seluruh alam Melayu telah pupus. Ratusan tahun penyisihan daripada arus perdana perkembangan perdagangan antarabangsa, kemajuan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dunia, masyarakat Melayu terus ketinggalan dan menjadi masyarakat yang lemah dan mudah dieksloitasi dan didominasi oleh golongan penjajah dan kaum lain.

### Pandangan Alam Semesta (*Worldview*) Melayu

Tiga kekuatan Melayu di atas tadi ditunjangi oleh *worldview* yang menjadi asas pula kepada pembinaan peradaban Melayu Islam bertaraf dunia itu. Pandangan alam semesta Melayu boleh disimpulkan di dalam enam bidang berikut:

- (1) **Alam** ini dilihat sebagai hasil ciptaan dan tadbiran Allah s.w.t. yang mencakupi alam arwah / primordial, alam dunia dan alam akhirat; alam akhirat ialah destinasi dan natijah mu‘tamad daripada kehidupan di alam dunia; kejayaan hakiki di akhirat ialah kemasukan ke dalam syurga dan kejayaan di dunia ialah ketaatan kepada Allah sebagai Tuhan Pencipta dan Pemiliknya; alam dunia ini dan bahagian-bahagiannya ialah amanah untuk kemanfaatan kehidupan manusia seluruhnya bukan hak milik individu secara mutlak; segala amanah akan dihisab di akhirat.
- (2) **Islam** ialah panduan dari Allah sebagai al-Din; mengandungi segala peraturan bagi segala aktiviti kehidupan di dunia untuk individu dan juga masyarakat demi pencapaian kejayaan hakiki mereka. Oleh itu *al-Din al-Islam* wajib dipelajari semua sebagai *fardhu ‘ain* supaya terbentuk insan Muslim, mukmin dan muhsin; *al-Din al-Islam* mencakupi akidah, ibadah, muamalat (segala transaksi dan operasi ekonomi, politik, pentadbiran, dll.), mu‘ayarat (segala hubungan dan interaksi sosial), munakahat (perkahwinan dan kekeluargaan), akhlak dan ihsan (ikhlas).
- (3) **Keyakinan penuh kepada Allah** sebagai Tuhan semesta alam, dan kepercayaan kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya pembalasan yang buruk bagi amalan jahat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat; balasan yang baik di dunia ialah keberkatan kehidupan dalam mentaati Allah; balasan yang baik di akhirat ialah kemasukan ke dalam syurga Allah; segala malapetaka dan kesusahan di dunia bagi orang Islam berlaku sama ada sebagai kifarah dosanya ataupun untuk meningkatkan maqamnya.

- (4) **Wawasan, misi, objektif, niat, strategi dan operasi** segala bidang kerja hendaklah sahih, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam tanpa kompromi, manipulasi, keingkaran dan penafian dari segi yang wajib, sunat, harus, haram dan makruh; yang halal adalah jelas dan yang haram juga jelas; adat bersendikan hukum, hukum bersendikan syarak dan syarak bersendikan Kitab Allah.
- (5) **Nilai tertinggi** dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhhlak mulia yang dengan demikian paling banyak memanfaati dirinya dan manusia yang lain; yang paling sempurna iman seseorang Muslim ialah yang paling baik akhlaknya (al-Hadith); maruah sesama insan dihormati kerana setiap mereka berpotensi untuk memperolehi kesempurnaan demikian; sikap ini akan mengelak kezaliman dan diskriminasi berdasarkan warna kulit, keturunan, bangsa dan seumpamanya.
- (6) **Kehidupan pertengahan** dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani; segala ilmu, pengetahuan, maklumat, kemahiran, teknologi, peralatan dan prasarana kehidupan di dunia adalah sebagai alat yang perlu dituntut dan diperolehi secara fardhu kifayah demi membantu terbentuknya insan Muslim, mukmin dan muhsin.

*Worldview* inilah yang menjadi pendorong, penggerak, motivasi dan objektif kepada seluruh kegiatan hidup orang Melayu di dunia ini. Seandainya terdapat perubahan dan penghakisan ke atas unsur-unsur itu, maka dorongan dan motivasinya juga akan menyimpang ke arah yang lain seperti yang dicerminkan oleh gejala-gejala sosial yang buruk dalam masyarakat Melayu kini yang menjadi cabaran dan hambatan yang genting, yang akan dihuraikan dalam perenggan tentang kelemahan Melayu kini, di bawah nanti.

### **Penjajahan Barat ke Atas Peradaban Melayu**

Sebagai satu fakta sejarah, tidak syak lagi muslihat dan cengkaman penjajahan kuasa Inggeris, Belanda dan Sepanyol telah menghancurkan kerajaan-kerajaan Melayu dan mematahkan tamadun maritim Melayu. Peristiwa-peristiwa utama penjajahan Barat adalah seperti yang berikut: -

- (1) 1511 Portugis menakluki Melaka.
- (2) 1570 Sepanyol menduduki Manila dan mengisyiharkan negara Filipina taklukannya, 1572-78 Sepanyol menakluki Cebu, Mindanao, Luzon, Jolo, dan lain-lain.
- (3) 1610 VOC Belanda membina gedung perdagangannya di Jakarta/Sunda Kelapa, dan pada tahun 1619 Belanda menakluki Jakarta.
- (4) 1641 Belanda menakluki Melaka.
- (5) 1786 Inggeris menduduki Pulau Pinang.
- (6) 1819 Inggeris menduduki Singapura dan mengambilnya terus pada 1823, menjadikannya pusat perdagangan maritim Asia Tenggara yang mengenakan pukulan maut ke atas perdagangan maritim antarabangsa Melayu; Melayu berubah daripada kabilah pedagang yang mengharung dan mengawal samudera kepada petani, nelayan dan peniaga kecil sara hidup yang kerdil.
- (7) 1824 Perjanjian London memecahkan alam Melayu kepada dua, iaitu Malaya dan Singapura kepada British, manakala Kepulauan Nusantara (kecuali Borneo Utara, Brunei dan Kepulauan Filipina) kepada Belanda.

- (8) 1874 Perjanjian Pangkor menandakan kemasukan kuasa Inggeris ke negeri-negeri Melayu.
- (9) 1896 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS) dibentuk oleh British berpusat di Kuala Lumpur, melemahkan kuasa raja-raja Melayu di negeri masing-masing.
- (10) 1899 Belanda menguasai Aceh setelah berperang sejak 1873; 1903 Sultan Aceh dan pahlawannya menyerah diri kepada Belanda; 1907 Sultan Aceh terakhir disingkir ke Ambon oleh Belanda.
- (11) 1909 Perjanjian Bangkok menyerahkan Patani kepada Siam manakala Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada British.
- (12) 1913 Kesultanan Riau-Lingga dimansuhkan Belanda.
- (13) 1900 – 1945/1957 zaman penjajahan total Belanda dan Inggeris di Indonesia dan Malaya yang mengaut dan mengeksplorasi sumber kekayaan aslinya sehingga ke tarikh kedua-dua negara itu mencapai kemerdekaan.

### **Hegemoni dan Dominasi Peradaban Sekular Barat Kini**

Peradaban sekular Barat kini menjadi kuasa besar tunggal dunia yang mewujudkan suasana dunia ekakutub (*unipolar*), dengan keruntuhan kuasa komunis Soviet Rusia pada tahun 1992. Inti peradaban Barat iaitu Amerika Syarikat, Britain dan Perancis membuat keputusan utama tentang hal ehwal politik dan keselamatan antarabangsa, manakala keputusan utama tentang isu-isu ekonomi antarabangsa pula dibuat oleh Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun.

Ciri-ciri dominasi tamadun Barat kini seperti yang dinyatakan oleh S. Huntington (1996:81), adalah dalam aspek-aspek yang boleh disimpulkan seperti berikut, iaitu pihak Barat ternyata:

- (1) Memiliki dan mengendalikan sistem perbankan antarabangsa dunia (*IMF, World Bank, bank-bank gergasi multinasional*).
- (2) Mengawal mata wang utama dunia, *US Dollar* pengukur nilai wang antarabangsa.
- (3) Menjadi pasar dan pelanggan barang utama dunia;
- (4) Membekalkan kebanyakan daripada barang siap dunia.
- (5) Mendominasi pasaran modal antarabangsa.
- (6) Mendominasi kepimpinan moral dunia yang sentiasa perlu dirujuk oleh negara bangsa yang lain.
- (7) Berkeupayaan melakukan campur tangan ketenteraan yang besar ke atas mana-mana negara bangsa, seperti yang berlaku di Iraq.
- (8) Mengawal laluan maritim antarabangsa dunia.
- (9) Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan teknikal (R & D) yang terkedepan di dunia.
- (10) Terkedepan dalam sistem pendidikan sains dan teknologi dunia dan mengawalnya.
- (11) Mendominasi akses ke ruang angkasa dunia.
- (12) Mendominasi industri aeroangkasa dunia.

- (13) Mendominasi industri, sistem dan kandungan media komunikasi dan hiburan dunia yang menyemai nilai-nilai budaya, falsafah dan pemikiran mereka secara global.
- (14) Mendominasi industri senjata teknologi tinggi dunia.
- (15) Mendominasi sistem operasi dan perisian komputer dunia.
- (16) Mendominasi bahasa komunikasi luas dunia (*international language of wider communication*) terutamanya bahasa Inggeris, iaitu bahasa peradaban inti Barat (U.S., Britain, Canada).

Juga boleh dikatakan bahawa Amerika Syarikat sebagai tamadun inti Barat kini dari segi infrastruktur mendahului negara-negara lain di dunia dalam pelbagai bidang disebabkan faktor-faktor berikut:-

- (1) Mendahului bidang teknologi terutama sekali teknologi persenjataan.
- (2) Memiliki sifat keusahawanan yang tinggi.
- (3) Suasana perdagangan yang kondusif/menggalakkan.
- (4) Setiap lapisan rakyat jelatanya digalakkan membuat eksperimen dan menginovasi (misalnya, Bill Gates (Microsoft); Michael Dell (Dell Computers) bermula daripada kosong).
- (5) Membenarkan tenaga muda dalam organisasi bersuara dan memimpin jika berupaya.

- (6) Berjaya memupuk, memetik dan memanfaatkan akal fikiran tenaga muda dalam lingkungan 20 dan 30 tahun yang amat aktif dan produktif untuk kemajuan organisasi dan komuniti.

Berdasarkan tindakan pihak berkuasa Amerika Syarikat dalam masa-masa kebelakangan ini, negara itu sebagai inti tamadun Barat kini sedang menuju ke arah pembentukan apa yang disebut oleh Caroll Quigley dalam *The Evolution of Civilizations* (1979: 158) sebagai tahap kelima dalam evolusinya, iaitu sebuah empayar universal dalam bentuk satu macam *Pax-Americana* yang akan mendominasi dunia sejagat melalui monopolii dan manipulasi kekuatan senjata, sains, teknologi, budaya, ilmu dan pendidikan yang tercanggih dan terkedepan.

Kata Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (2002: 19):

*Globalisation, as it is formulated and presented today, is an invention of the North Atlantic countries (the West), and we can take it for granted that it is intended to enrich them further and enhance their domination of the world. They already dominate the world, of course. But they want to strengthen that domination to ensure they will not be successfully challenged either by the big East Asian countries or even the weak Muslim countries.*

Gejala globalisasi yang boleh didefinisikan sebagai keberkaitan (*interconnectedness*) aktiviti-aktiviti manusia secara global dalam aspek pengaliran modal dan buruh, teknologi dan kemahiran, pemikiran dan nilai, gaya hidup dan cita rasa, yang merentasi sempadan negara dan bangsa dengan cara yang tidak dapat dikawal rapi oleh negara bangsa itu, sedang mensejagatkan tamadun sekular Barat, iaitu tamadun yang terkuat dan paling berkuasa kini. Mereka juga mempunyai agenda hegemoni dan pendominasian sejagat seperti yang ternyata daripada retorika dan aksi mereka yang mengisyiharkan dengan angkuh “either you are with us or with the terrorist”, dan melabelkan negara-negara yang tidak bersekongkong dengan mereka sebagai “*the axis of evil*”. Pengeboman besar-besaran ke atas Iraq

dalam Perang Teluk dan seterusnya Afghanistan yang menghancurkan kerajaan Taliban secara total, atas alasan ingin mengajar rejim Taliban kerana tidak mematuhi ultimatum supaya menyerahkan Osama bin Laden, membuktikan dasar hegemoni mereka yang ketara. Ini diperkuuhkan lagi oleh komplot mereka untuk menyerang Iraq atas alasan memiliki senjata pemusnah awam besar-besaran (*weapons of mass destruction*), dan lupa akan kedudukan mereka sendiri sebagai pemilik senjata pemusnah massa yang terbesar dan tercanggih di dunia kini. Hakikat yang sebenarnya ialah mereka ingin mendominasi dunia dan menghapuskan persaingan yang lain yang berpotensi mencabar mereka.

### **Hakikat Kejayaan, Kemajuan dan Kecemerlangan**

Namun, dominasi Barat kini tidak semestinya mengesahkan bahawa mereka ialah manusia yang paling berjaya, kerana kejayaan hakiki bukan terletak pada ciri-ciri luaran yang zahiriah. Sebaliknya kejayaan manusia sesungguhnya terletak pada diri manusia itu sendiri, seperti yang diimplikasikan oleh ayat 5 Surah al-Ra'd, di bawah:

“Bahawa kemajuan, kejayaan dan kecemerlangan bagi manusia ialah pergerakan dan perubahan daripada insan haiwani dengan segala sifat mazmumah, iaitu rakus, buas, tamak, angkuh, hasad dengki, boros, egoistik, engkar, fasad, fasik, dll. kepada insan akali (manusia yang dikawal sepenuhnya oleh hati budinya atau akal dan kalbunya) dengan segala sifat mahmudah, iaitu berhemah tinggi, baik hati, amanah, cekap, rajin, positif, adil, berani, penyayang, bijaksana, taat, dll. dengan hati dan anggotanya yang tunduk kepada Allah”.

Berdasarkan kriteria kejayaan ini, dominasi tamadun Barat itu tidak lebih daripada pencengkaman mereka ke atas dunia sejagat, termasuklah dunia Islam, melalui proses globalisasi, dengan menggunakan segala kekuatan teknologi, ekonomi, pendidikan, pengetahuan, maklumat, media dan publisiti untuk terus-menerus mempengaruhi mentaliti dan hati budi kita tentang betapa *superior* dan termasyhurnya mereka itu. Oleh yang demikian pembentukan strategi untuk menangkis aspek negatif tamadun Barat dan memanfaatkan aspek postifnya, menjadi amat penting dan genting bagi kita.

## Dua Strategi Menangani Globalisasi Barat Kini

Gejala globalisasi kini kebanyakannya merupakan penyebaran dan penyerapan unsur-unsur dominasi tamadun Barat seperti yang dihuraikan pada perenggan 7 di atas, tanpa banyak kawalan dan tapisan oleh masyarakat tempatan yang dengan demikian mengangkatkan imej Barat dan melemahkan lagi masyarakat tempatan.

Untuk menangkis dan menangani unsur negatif globalisasi dengan berkesan dan mengambil manfaat daripada unsur positifnya, maka dua strategi harus dilakukan oleh orang Melayu; iaitu :-

- (1) Mengenal pasti apakah kelemahan di dalam diri orang Melayu kini.
- (2) Mengolah langkah dan kaedah mengatasi kelemahan itu melalui program pembangunan yang amali sebagai haluan besar agenda Melayu ke arah pembinaan sebuah peradaban Melayu bertaraf dunia.

## Kelemahan Melayu Kini

Walaupun sudah mencapai kemerdekaan (1945 Indonesia, 1957 Malaya), kerajaan dan negara Melayu di Nusantara telah mengalami ratusan tahun trauma cengakaman penjajahan. Negara-negara itu telah mewarisi suasana peradaban terbantut (*truncated civilisation*) yang meminggir, menyisih dan melunturkan yakin diri, daya tahan, daya juang dan daya usaha golongan pedagang, usahawan, pentadbir, cendekiawan, pelabur, bijak pandai dan sumber daya manusia Melayu (bahkan sesetengahnya terus pupus seperti komuniti pemodal, pedagang dan prasarana maritim Melayu). Gejala ini diburukkan lagi oleh beberapa pengaruh negatif penjajah dan peradaban Barat dulu dan kini.

Kedua-dua faktor itu telah mengakibatkan beberapa gejala sosial yang buruk (rujuk Prof. Dr. M Kamal Hassan, 1996:233) sebagai cerminan daripada hati budi Melayu yang lemah, dan yang telah melunturkan enam ciri *worldviewnya* yang sudah dibincangkan di atas. Gejala-gejala sosial yang buruk itu boleh disimpulkan seperti berikut:

(1) **Pegangan dan amalan hidup yang liberal-sekular-materialistik**

Tanda: untung, manfaat wang dan harta benda yang diutamakan; nilai hukum dan amalan Islam dihadkan di majlis dan tempat agama sahaja, tiada dalam perkiraan bisnes.

(2) **Gaya hidup menunjuk-nunjuk dan berlagak**

Tanda: menagih kemewahan, perhiasan yang mahal, keinginan bersetanding dengan golongan atasan, penimbunan harta tanpa keinsafan berzakat; atau gejala riba (Berita Harian 4 Mei, 2002: 80% syarikat orang Islam tidak berzakat).

(3) **Sindrom politik wang**

Tanda: pembelian undi untuk jawatan dalam parti dan kerajaan berleluasa menjelang setiap pilihan raya dan pemilihan parti.

(4) **Sindrom kelemahan unsur moral**

Tanda: pangkat dan kuasa bagi pegawai, pengurus dan eksekutif kanan membuka peluang untuk menyalahgunakan kedudukan mengakibatkan timbulnya rasuah, penipuan, nepotisme, kronisme, pemalsuan dan manipulasi akibat daripada kelemahan nilai moral dan etika dan konsep amanah.

(5) **Amalan hamba-tuan atau penaung-pelanggan**

*(patron-client)*

Tanda: penerusan tradisi taat setia hamba-tuan (*slave-master*), penaung-pelanggan (*patron-client*) yang berlebihan, kepatuhan dan penyanjungan kepada pemimpin/ketua mendapat balasan lumayan, perbezaan pendapat dianggap penentang dan penderhaka yang membawa padah.

(6) **Gejala lepak dan delinkuen juvana**

Tanda: ribuan belia (berumur 12-25 tahun) melepak di kompleks beli-belah, perhentian bas dan pusat hiburan, 83% daripadanya ialah Melayu, 70% merokok, 41% menyalahgunakan dadah, 25% minum arak, 39% melihat bahan lucah, 18% berzina, 28% berjudi dan 16% mencuri.

(7) **Sindrom mediokriti/rendah pencapaian**

Tanda: penghasilan/pencapaian rendah, tiada motivasi untuk cemerlang, sikap tidak apa, puas hati dengan pencapaian rendah, cari jalan mudah, elak pengajian/usaha/kerjaya yang mencabar yang mendatangkan hasil yang tinggi, etika kerja yang lemah, keberatan menerima perubahan, enggan maju dalam persaingan.

(8) **Sindrom pergantungan**

Tanda: pergantungan kepada biasiswa, subsidi, bantuan, pinjaman dan kontrak dari kerajaan, membantut kreativiti dan inovasi dalam pemikiran dan tindakan; beku, mundur dan tidak dapat berdikari dan berdaya maju dalam medan persaingan ekonomi dan perniagaan yang sengit.

(9) **Ketakutan kepada matematik - sains**

Tanda: pengabaian pengajaran sains - matematik di institusi agama Islam yang ramai pelajar Melayu Islam kerana tidak disedari sepenuhnya bahawa ianya adalah sebahagian daripada ilmu Islam dan perlu diajar berperspektifkan Islam, kekurangan pelajar Melayu Islam dalam pengajian berasaskan sains - matematik di Institut Pengajian Tinggi Awam yang mustahak bagi pembangunan sains, teknologi, industri, perdagangan dan masyarakat teknologi tinggi.

(10) **Kecenderungan untung segera**

Tanda: penubuhan syarikat Ali-Baba dengan pemilik Melayunya sebagai rakan kongsi pasif; kemuflisan syarikat dan perbadanan berkanun, syarikat koperasi dan swasta Melayu kerana penipuan, rasuah, pembaziran atau salah urus, pelaburan saham spekulasi untuk untung segera.

(11) **Nilai rendah terhadap masa**

Tanda: pembaziran masa dengan omong kosong, masa makan minum yang berlarutan, tidak menepati waktu, lewat bekerja awal pulang, berfoya-foya di kompleks membeli-belah, menonton televisyen berlarutan.

(12) **Orientasi akhirat keterlaluan**

Tanda: konsep ibadat sempit, mengutamakan bentuk ritual persendirian, kurang kepada aspek kemasyarakatan dalam bidang muamalat, mu‘asyarat, akhlak, persekitaran sosial dan fizikal, kebajikan komuniti, masyarakat dan ummah, konsep takdir sempit.

**(13) Kepercayaan tahuul**

Tanda: tinggalan daripada kepercayaan animisme; semangat benda-benda boleh menyebabkan berlakunya kecelakaan, tragedi, kerugian dan sebaliknya, oleh itu penyelesaiannya adalah dengan meredakan semangat itu melalui persesembahan dan penyajian dengan perantaraan bomoh, dan juga kepercayaan kepada kubur, keramat dan wali yang dianggap perantara untuk mencapai sesuatu hajat.

**(14) Gejala fitnah dan umpatan**

Tanda: penyebaran fitnah, tuduhan, pengaiban, umpatan, dan mencerca di belakang, melalui surat layang, rencana, buku, akhbar, dan penyebaran khabar angin; oleh itu mengelak atau menolak perbezaan pendapat melalui perbahasan yang waras dan sihat dengan berlapang dada.

**(15) Amalan ajaran sesat**

Tanda: lebih daripada 12 ajaran sesat utama muncul di Malaysia, ada yang mendakwa ketuanya reinkarnasi Saidina Abu Bakar r.a., ada yang mengatakan sudah mencapai hakikat peningkatan diri sehingga tidak perlu solat lima waktu lagi.

## Tiga Haluan Besar Dalam Agenda Melayu ke Arah Pembinaan Sebuah Peradaban Melayu Bertaraf Dunia Alaf Ketiga

Untuk mengatasi kelemahan dan kelesuan yang ada di kalangan orang Melayu dan masyarakatnya dan menandingi dan menangkis kekuatan, dominasi serta hegemoni masyarakat dan peradaban lain secara global kini terutamanya Barat (dan kini negara-negara Cina, Taiwan, Singapura), maka satu strategi harus diolah untuk memartabatkan kembali kedudukan Melayu dan peradabannya.

Strategi itu hendaklah ditumpukan kepada tiga aspek kegiatan yang berikut:-

- (1) Memantapkan hati budi Melayu ke arah pembentukan insan yang baik, iaitu insan Muslim, mukmin dan muhsin.
- (2) Memantapkan budaya ilmu, sains dan teknologi orang Melayu berdasarkan nilai rasional, saintifik, etika, moral dan akhlak yang mulia.
- (3) Memantapkan asas organisasi dan operasi (pemerintahan, pentadbiran, perundangan dan penghakiman, perekonomian, perdagangan, pendidikan, kebajikan, perhubungan, pengangkutan, perumahan, kesihatan, penjaringan, prasarana, dan lain-lain) bagi Melayu setempat, sewilayah dan sejagat ke arah pembinaan kelompok Melayu sebagai kabilah dunia yang juga berdasarkan etika, moral dan akhlak yang mulia.

Strategi yang pertama itu merupakan asas dan prasyarat kepada kejayaan dan pencapaian strategi yang dua lagi itu. Tanpa pencapaian dan pemapanan strategi yang pertama itu, maka sebarang daya usaha, kegiatan dan curahan tenaga serta wang ringgit yang sebanyak mana sekalipun untuk memenuhi dua strategi terakhir itu (seperti yang dilakukan kini) tidak akan dapat melahirkan sebuah peradaban Melayu Islam yang benar-benar dicirikan oleh enam unsur *worldview* di atas tadi.

Kesedaran tentang hakikat pembangunan demikian tidak benar-benar ditonjol dan diutamakan sehingga kini. Di dalam Wawasan 2020, barangkali cabaran keempat, iaitu “*mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika*” boleh dianggap sebagai strategi ke arah pemberian hati budi. Tetapi ia hanya merupakan satu daripada strateginya dan itu pun yang keempat, bukannya yang utama yang sepatutnya menjadi asas kepada semua strategi yang lain.

Strategi yang pertama itu meletakkan hati budi sebagai objektif tumpuannya. Apa yang ada di dalam hati budi itulah yang sebenarnya menjadi apa yang ada pada diri seseorang yang perlu diubah sebelum apa yang ada pada kaumnya dapat diubah. Ini adalah kerana hati budi ialah tempat letaknya Islam, iman dan ihsan yang akan melahirkan manusia Muslim, mukmin dan muhsin, iaitu manusia yang diakui kejayaannya oleh Allah s.w.t. Seandainya hati budi itu tidak diisi dengan Islam, iman dan ihsan secara kukuh, maka akan terseraplah ke dalamnya unsur-unsur yang bertentangan dengan enam unsur *worldview* Islam, seperti yang dicerminkan oleh 15 gejala sosial yang buruk di atas.

### **Memantapkan Budaya Ilmu, Sains dan Teknologi Orang Melayu**

Ilmu dalam pegangan dan amalan Islam tidak pernah dibahagikan kepada ilmu dunia dan ilmu akhirat atau ilmu sekular dan ilmu agama. Apa yang ada ialah ilmu fardhu ‘ain dan ilmu fardhu kifayah.

Ilmu fardhu ‘ain ialah ilmu yang diperlukan oleh setiap individu untuk memantapkan dirinya dalam pegangan dan amalan rukun Islam yang lima, rukun iman yang enam, dan memantapkan akhlaknya, mu‘asyaratnya (perhubungan sosial), muamalatnya (perhubungan budaya) dan munakahatnya (berkahwin dan berkeluarga), dan lain-lain.

Ilmu fardhu kifayah pula ialah segala ilmu, pengetahuan, kepandaian dan kemahiran demi melakukan kegiatan, amal ibadat, kerja, usaha dan tindakan bagi memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat secara umum. Kedua-dua ilmu itu akan mempunyai nilai yang tinggi apabila dilakukan demi mendapat keredhaan Allah dan dengan cara yang selari dengan kehendak syariat Islam. Oleh itu sifat semua ilmu dalam Islam adalah bersepadan atau berintegrasi, iaitu dicirikan dengan nilai tauhid demi memanfaatkan kehidupan di dunia ini dalam persediaan menuju ke alam akhirat yang kekal abadi selama-salamanya.

Sebagai langkah mengoperasikan gagasan budaya ilmu, sains dan teknologi Melayu yang berasaskan tauhid yang demikian itu, maka empat strategi berikut boleh dilakukan terutamanya oleh badan-badan kerajaan dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO):

- (1) **Menyampaikan segala ilmu fardhu ‘ain kepada semua anak bangsa Melayu** lebih-lebih lagi mereka yang di bangku sekolah, kolej, institusi pengajian tinggi dan juga di pejabat, syarikat dan kilang (secara wajib dari sudut kerajaan). Penyampaiannya harus menekankan aspek kelebihan, kemanfaatan, kegembiraan (fadilat bukan ancaman), amali dan pengalaman (bengkel, seminar, khemah ibadah di masjid dan di kem latihan, kelas amali, dan sebagainya) bukan berbentuk kuliah dan statik. Penghargaan dan pengiktirafan penguasaan ilmu itu harus diberikan sewajarnya (sijil, nilai benda, sosial, dan lain-lain),
  
- (2) **Menyemai dan memupuk pandangan semesta Islam berteraskan tauhid** di dalam semua ilmu pengetahuan seperti yang dilakukan dengan pesat kini melalui gagasan dan proses Islamisasi ilmu (*Islamisation of knowledge*).
  
- (3) **Memupuk dan menyuburkan penerokaan ilmu, sains dan teknologi** ke perbatasan hadapannya (*to the frontiers of knowledge*) melalui kaedah:-  
  - (i) Memperuntukkan pelaburan dana dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (R & D) dengan peratusan yang terbesar dalam belanjawan kerajaan. Ini adalah kerana, seperti yang ditegaskan oleh ramai pakar penelaah masa depan (*futurists*), ilmu kini merupakan sumber utama dalam pembangunan masyarakat mengatasi sumber modal dan buruh.

*In the post-industrial world knowledge and information become the strategic and transforming resources of the society, just as*

*capital and labour were the strategic and transforming resources of industrial society. It is almost a truism to say that we (now) live in a knowledge economy.” (Bell 2001:46,59).*

*The world is becoming not labour intensive, not material intensive, not energy intensive, but knowledge intensive. The knowledge society requires that all its members be literate, not just reading, writing, and arithmetic, but also in (for example) basic computer skills and political, social, and historical systems. And because of the vastly expanding corpus of knowledge, it requires that its members learn how to learn. (Drucker 1992:267,269).*

- (ii) Menekankan pengkhususan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang strategik kini, iaitu mikroelektronik, telekomunikasi, bioteknologi, bahan-bahan baru (*new materials*), sains penerbangan (*aviation*) dan robotik. (Di U.S. kini ada 1.5 juta pakar pemrogram komputer, iaitu jumlah nasional terbesar di dunia dan merupakan lapangan kerja yang terbesar di sana).
- (iii) Menyedia dan melengkapkan segala sumber strategik untuk melaksanakan rancangan penyelidikan dan pembangunan bidang-bidang khusus dan strategik itu, misalnya dana yang mencukupi, guru dan jurulatih yang mahir, peralatan dan prasarana yang terkini, institusi dan organisasi yang cekap dan di atas segala-galanya bilangan pelajar dan pelatih yang mencukupi dan bermotivasi tinggi.

Pernyataan Peter Drucker tentang pentingnya ilmu dalam bukunya *Post-Capitalist Society* (1993:42, 46, 210-212), bahawa dalam masyarakat pasca-kapitalis (era teknologi maklumat) ilmu diaplikasikan kepada ilmu untuk menjanaan ilmu yang baru, aplikasi yang baru, sistem yang baru,

organisasi yang baru dan masyarakat yang baru. Ilmu tidak bertempat di buku, bank data, dan cakra, tetapi pada diri manusia; dicipta, ditambah, diaplikasi, diajar, digunakan / disalahgunakan oleh manusia. Manusia, iaitu manusia terpelajar, menjadi pemusat masyarakat maklumat sebagai pendukung nilai, prinsip dan komitmen bagi masyarakatnya.

Daniel Bell (2001: 45), memperturunkan satu skema organisasi masyarakat manusia zaman pasca-industri, pasca-kapitalis berasaskan lima dimensi kegiatan masyarakat, iaitu:-

Paksi utama organisasi masyarakat	Pernyataan ilmu teoretis yang jelas berdasarkan institusi kajian R & D yang berwibawa Teknologi intelek yang cekap, mantap
Sektor ekonomi yang dominan	Perkhidmatan manusia massa Perkhidmatan profesional pakar
Prasarana dan kemudahan kritikal	Komunikasi massa: pengangkutan, bahan tenaga, jaringan perhubungan
Masalah politik utama	Dasar sains dan pendidikan, Globalisasi ekonomi
Orientasi waktu	Masa depan

Ilmu dan maklumat akan menjadi sepunya sejagat (*universally common*), termasuklah kegiatan ekonomi, wang, kerjaya, teknologi, isu utama dan maklumat dunia, yang disejagatkan melalui jaringan komunikasi massa.

Manusia terpelajar bersifat sejagat, berkerjaya secara sejagat sebagai warga dunia dalam wawasan, misi dan maklumat yang dikongsi bersama, tetapi menyedut kekuatan dari budaya aslinya, dan secara resiprokal memperkaya pula budaya aslinya daripada kematangan sifat sejagatnya.

Tegasnya, ada ciri kesejagatan dalam ilmu, teknologi dan kerjaya yang menyatukan warga dunia, tetapi ada ciri kepelbagaian budaya bangsa dan tamadun yang berbeza-beza yang secara naluri memberi sifat, jati diri

dan paksi kepada setiap insan untuk berpaut dan bernaung, bagi mengelakkannya terhanyut dan termusnah oleh aspek negatif badaai globalisasi.

(4) **Menyemai, memupuk dan membangunkan semangat, iltizam dan motivasi** yang tinggi di kalangan anak muda dan pelajar Melayu demi meningkatkan daya juang, daya saing, daya tahan, daya kreativiti dan daya usaha, melalui program latihan dan pembelajaran yang mesra pelajar dan mesra belia.

Kini isu kegagalan pelajar lelaki Melayu sudah menjadi kenyataan. Di sekolah-sekolah menengah di Lembah Klang, kelas-kelas tercorot (E, F, G, H, I, J, K...) dipenuhi oleh pelajar-pelajar lelaki Melayu yang tidak berminat untuk belajar dan para guru juga tidak berdaya untuk mengajar mereka. Kebanyakan mereka terlibat di dalam pelbagai kes dilinkuen juvana.

Mengikut Peter Drucker (1992:268), kaedah pengajaran kini yang berasaskan pembelajaran buku (membaca dan menghafal fakta dari buku, penguasaan konsep secara teori, latihan dan peperiksaan secara bertulis berdasarkan buku semata-mata) sebenarnya sesuai untuk orang dewasa tetapi tidak mesra bagi golongan kanak-kanak dan belia. Oleh itu dicadangkan supaya kaedah pembelajaran secara praktikal dan *hands-on* di lapangan kerja diperbanyak, kegiatan amali dan aplikasi sama ada dalam proses pembelajaran mahupun dalam kerja penilaian dan peperiksaan hendaklah ditekankan. Ringkasnya pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan kanak-kanak dan belia, iaitu fasa pertumbuhan fizikal yang amat aktif, hendaklah diberi manfaat memperkembangkan potensi keaktifan fizikal semaksimumnya.

### **Memantapkan Hati Budi Melayu**

Kejayaan strategi dan program pemantapan budaya ilmu, sains dan teknologi dan juga pemantapan organisasi dan operasi masyarakat Melayu bergantung sepenuhnya kepada kesediaan hati budinya, iaitu hati budi yang dipenuhi Islam, iman dan ihsan dan melahirkan para Muslim, mukmin dan muhsin. Orang-orang Muslim, mukmin

dan muhsin ialah golongan yang akan mengolah, membentuk, mendukung dan menggerakkan segala perancangan, sistem, organisasi, operasi, prinsip, dasar dan segala prasarana itu mengikut lunas-lunas falsafah hidup Islam. Bahkan segala perancangan, sistem, organsiasi, operasi dan prasarana itu akan menjadi bermakna dan mustahak apabila ianya menjadi unsur-unsur pelengkap kepada proses pembentukan peribadi Muslim, mukmin dan muhsin, dan bukan sebaliknya menjadi unsur penghalang pula. Inilah sebenarnya hakikat pernyataan bahawa matlamat bagi peradaban Islam bukan kemajuan sains dan teknologi tetapi kemantapan diri manusia, iaitu hati budinya.

*“The goal of Islamic civilization has never been scientific and technological progress, but rather perfection of the human soul”.*  
(Sachiko Murata & William Chittick, 1994:331).

Hati budi ialah tempat letaknya Islam, iman dan ihsan yang membuatkan niat, motivasi, maksud dan tujuan yang sahih bagi segala perlakuan dan perbuatan yang baik, iaitu dibuat semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah. Hati atau kalbu ialah raja dalaman yang berkuasa sepenuhnya ke atas diri manusia, dan hatilah yang mengarah dan mendorong segala tindak-tanduk dan perlakuan manusia. Melalui akal dan ilmu, seseorang akan memperoleh pengetahuan, misalnya mengetahui bahawa merokok, menagih dadah, minum arak, melakukan hubungan seks secara rambang adalah buruk/haram, mendatangkan penyakit (misalnya aids) dan membahayakan kesihatan tubuh badan. Namun, kalau hati atau kalbu mahu juga, maka perlakuan itu akan dilakukannya juga, seperti yang berleluasa kini.

Oleh itu hati atau kalbu, iaitu anggota manusia yang bersifat rohaniah, merupakan bahagian yang asasi yang perlu ditumpukan segala usaha dan proses pembinaan dan pembangunan seorang Muslim, mukmin dan muhsin, yang menjadi kunci dan asas pula bagi pembinaan sebuah masyarakat, negara dan peradaban Islam. Inilah yang disyaratkan oleh al-Qur'an Surah al-Ra'd, ayat 5, maksudnya:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka (*Inna Allaha la yughayyiru ma bi qaumin, hatta yughaiyyiru ma bi anfusihim*).”

Juga sebuah Hadith Rasulullah s.a.w. yang menegaskan bahawa dalam diri manusia ada seketul daging, iaitu hati atau kalbunya; jika ia baik maka baiklah manusia itu, jika ia jahat maka jahat jugalah manusia itu.

## **Penutup**

Sejarah kenaikan dan pertumbuhan peradaban Islam telah menunjukkan bahawa pusat-pusat peradabannya berubah-ubah daripada satu wilayah kepada wilayah yang lain; daripada tanah Arab kepada Parsi, Turki, Afrika Utara, Andalusia dan Asia Tengah. Kini terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pusat peradaban Islam mulai bergerak ke arah Timur, iaitu mungkin ke arah Asia Tenggara dan ke arah dunia Melayu Islam. Apakah kelompok peradaban Melayu Islam bersedia untuk memikul tanggungjawab yang begitu luhur dan suci murni ini untuk menjadi penyambung kepada pembentukan peradaban dunia dalam alaf yang ketiga ini?

Tiga kekuatan Melayu asasi yang diutarakan di atas, boleh membantunya ke arah usaha memikul misi, objektif dan tanggungjawab ini melalui pertolongan dan hidayat Allah, dengan syarat kita memenuhi ketetapan al-Quran untuk mendapat pertolongan Allah itu, iaitu:

Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah (untuk mencapai kemenangan), nescaya Allah akan membela kamu (untuk mencapai kemenangan), dan meneguhkan tapak pendirian kamu (Surah Muhammad: 7).

Sesungguhnya orang-orang yang berusaha dengan penuh gigih (ber mujahadah) dalam memenuhi kehendak (agama) Kami, nescaya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami, dan sesungguhnya Allah bersama-sama orang muhsin (Surah Al-Ankabut: 69).

Jika Allah menolong kamu (mencapai kemenangan) maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika Ia mengecewakan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu. Dan kepada Allah hendaknya bertawakal orang mukmin. (Surah Ali Imran: 160).

## Rujukan

- Abul Hasan Ali Nadwi. 1980. *Religion and Civilization*. Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- Ali A. Mazrui. 1993. Islam and the End of History. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 10:4, 1993.
- Ali Shahrestani, S. M. 1994. The Crisis of Contemporary Civilization and the Prospects for Salvation". *Islamic University Quarterly Academic Journal*, Vol. (1) No. (2), April-June, 1994.
- Al-Attas, S. M. N. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- \_\_\_\_\_. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Bell, Daniel. 2000. *The Future of Technology*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Cortesao, Armando (ed.). 1944. *The Sume Oriental of Tom Pires*: An Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512-1515, 2 Volumes. London: Hakluyt Society Works.
- \_\_\_\_\_. 1992. *Managing for the Future*. Oxford: Butterworth-Heinemann Ltd.
- Drucker, Peter. 1993. *Post-Capitalists Society*. New York: HarperBusiness.
- Fukuyama, F. 1993. *The End of History and the Last Man*. New York: Avon Book.
- Gregory, R. L. (ed.). 1987. *The Oxford Companion to the Mind*. Oxford: Oxford University Press.
- Hashim Hj Musa. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Agenda Melayu: Ke Arah Pembinaan Peradaban Melayu Bertaraf Dunia Alaf Ketiga*. Petaling Jaya: INMIND.
- Huntington. S. 1996. *Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- \_\_\_\_\_. 1995. Democracy for the Long Haul: Keynote Address. *International Conference on Consolidating the Third Wave Democracy: Trend and Challenges*, Taipei, August 27, 1995.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2001. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000: Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demograf*. Putra Jaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Mahathir Muhamad. 2002. *Globalisation and the New Realities*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Muhammad Asad. 1934/75. *Islam at the Crossroads*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.

Muhammad Kamal Hassan. 1996. *Toward Actualizing Ethical and Educational Principles in Malaysian Society*. Kuala Lumpur: ABIM.

Murata, Sachiko & William Chittick. 1994. *The Vision of Islam*. Minnesota: Paragon House.

Quigley, Caroll. 1979. *The Evolution of Civilizations*. Indianapolis: Liberty Press.

Roberts, J. M. 1992. *The Penguin History of the World*. London: Penguin Books.

Schwartzter. A. 1923/55. *Civilization and Ethics*. London: Adams and Charles Black.

Ziauddin Sardar. 1979. *The Future of Muslim Civilization*. London: Croom Helm.